



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 5 TAHUN 2021

**PENUBUHAN PUSAT INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN DAN PERUBAHAN
NAMA PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengenai penubuhan Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (UMT ICC) dan perubahan nama Pejabat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI).

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mensasarkan agar Universiti Awam dapat menjana 30% pendapatan sendiri dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan Kerajaan, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dalam mesyuaratnya Kali Ke-253 (Bil. 27 Tahun 2021) telah bersetuju menubuhkan Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (UMT ICC). Penubuhan UMT ICC ini juga dijangka dapat memantapkan lagi strategi dan hala tuju Program Tahun Pengkomersialan 2021-2022.

3. UMT ICC bertanggungjawab dalam urusan berkaitan harta intelek, pengkomersialan, promosi, pemasaran dan inkubator (ICEHUB UMT).

4. Rentetan penubuhan UMT ICC ini juga, nama Pejabat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi telah ditukarkan kepada Pejabat Pengurusan Penyelidikan (PPP). UMT ICC merupakan PTj Tier 1 di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan

Inovasi. Carta organisasi UMT terkini mengikut hierarki PTj adalah seperti di **Lampiran 1.**

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Januari 2022.**
6. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah



ZUKIFEREE BIN IBRAHIM

Pendaftar


Universiti Malaysia Terengganu



CARTA ORGANISASI – UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Tarikh Kemas kini : 1 Januari 2022

LAMPIRAN 1



Pusat Tanggungjawab Tier 1 = 36
 Pusat Tanggungjawab Tier 2 = 9